



IBU PEJABAT JPS MALAYSIA



SURAT PEKELILING JPS Bil 3/2009 (Pembatalan kepada SP JPS Bil. 1/2003)

PELANTIKAN PEGAWAI PENGUASA (P.P.), PERWAKILAN KUASA PEGAWAI PENGUASA (WAKIL P.P.) DAN PEGAWAI-PEGAWAI YANG DIBERIKUASA (PYDK) DALAM URUSAN PENTADBIRAN KONTRAK

1.0 TUJUAN

Tujuan surat pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan dan seterusnya menguatkuasakan pindaan mengenai Pelantikan P.P., Wakil P.P. dan PYDK di bawah kontrak.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Surat Pekeliling JPS Bil. 1/2003 bertarikh 27 Mei 2003 telah menetapkan had-had nilai kontrak bagi pelantikan P.P. dan Wakil P.P. projek-projek yang dilaksanakan oleh Jabatan.
- 2.2 Surat pekeliling tersebut juga telah menetapkan hak-hak tertentu yang dikhaskan kepada PYDK di dalam Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak dan PYDK untuk menandatangani Perakuan-perakuan yang dikeluarkan di bawah kontrak.

3.0 CARA PELAKSANAAN

3.1 Pelantikan P.P.

Pelantikan P.P. untuk semua projek JPS hendaklah dibuat mengikut had-had nilai kontrak yang baru seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran A.**

3.2 Pelantikan Wakil P.P.

P.P. boleh mewakilkan kuasa-kuasa tertentu kepada pegawai yang dilantik sebagai “Wakil P.P. Utama” seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran A.** Dalam mewakilkan kuasa-kuasanya P.P tidak semestinya mewakilkan kuasa kepada seorang wakil P.P sahaja. Selain daripada Wakil P.P. Utama, pegawai tertentu yang lain boleh dilantik dengan kuasa-kuasa tertentu seperti berikut:-

- i) Jurutera Projek sebagai Wakil P.P. di Tapak Bina
- ii) Pengarah Bahagian Mekanikal dan Elektrik sebagai Wakil P.P. Pakar Mekanikal dan Elektrik.
- iii) Jurukur Bahan sebagai Wakil P.P. Pakar Ukur Bahan.
- iv) Bagi projek yang ada perunding yang dilantik untuk penyeliaan pelaksanaan kerja dan pentadbiran kontrak, perunding berkenaan bolehlah dilantik sebagai Wakil P.P.

3.3 Hak-hak Tertentu yang Dikhaskan kepada PYDK dalam Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak

Penamaan PYDK dalam Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak untuk semua projek JPS hendaklah dibuat mengikut had-had nilai kontrak yang baru seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran A.**

3.4 Menandatangani Perakuan-perakuan yang Dikeluarkan di bawah Kontrak

PYDK untuk menandatangani Perakuan-perakuan yang dikeluarkan di bawah Kontrak untuk semua projek JPS adalah seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran B.**

3.5 Menguruskan dan Meluluskan Perakuan Bayaran Interim

Pengurusan Perakuan Bayaran Interim untuk semua projek JPS hendaklah dibuat berdasarkan kepada **SP JPS Bil. 4/2008** yang telah dikeluarkan pada 8 Oktober 2008.

3.6 Surat Perwakilan Kuasa P.P.


Contoh Surat Perwakilan Kuasa dan Pemberitahuan Perwakilan Kuasa bagi kontrak berdasarkan Borang JKR 203/203A adalah seperti di **Lampiran C, C/1, D, D/1, E dan E/1** surat pekeliling ini. Contoh Surat Perwakilan Kuasa dan Pemberitahuan Perwakilan Kuasa bagi kontrak berdasarkan Borang JKR DB/T adalah seperti **Lampiran F, F/1, G, G/1, H dan H/1** surat pekeliling ini. Walaubagaimanapun, PP boleh menentukan sendiri kuasa-kuasa yang hendak diwakilkan oleh beliau.

4.0 KUATKUASA DAN PEMBATALAN

- 4.1 Surat pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta bagi semua kontrak yang belum ditandatangani dan/atau kontrak yang mana perwakilan kuasa P.P. belum lagi dibuat.
- 4.2 Dengan penguatkuasaan Surat Pekeliling ini, Surat Pekeling JPS Bil. 1/2003 adalah dibatalkan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CINTAILAH SUNGAI KITA”



(DATO' IR HJ AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

Tarikh: 27 April 2009